


# PANDUAN PERMOHONAN e-PENGELUARAN PENDIDIKAN (KWSP) SECARA ONLINE

## A) PANDUAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN:

### Cara Pendaftaran dan Pengaktifan i-Akaun

#### Langkah 1:

Membuat pendaftaran i-Akaun ahli dengan menggunakan MyKad di :

-  Kios, **ATAU**
-  Kaunter KWSP, **ATAU**
-  Hubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-89226000.

#### Langkah 2:

Untuk pengaktifan kod i-Akaun klik pada Login Ahli di laman web KWSP ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)) dalam tempoh 30 hari.

### Kelayakan Memohon

1. Ahli bertaraf Warganegara Malaysia; **ATAU** bukan Warganegara Malaysia.
2. Ahli belum mencapai umur 55 pada tarikh permohonan.
3. Ahli mempunyai simpanan dalam Akaun 2.
4. Ahli telah mendaftar dan mengaktifkan i-Akaun.

### Syarat-Syarat Pengeluaran

#### 1. Peringkat Pengajian Yang Dibenarkan

Ahli / anak ahli mestilah mengikuti pengajian peringkat Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah atau yang setara dengannya.

#### 2. Kategori Pengeluaran

- Pengeluaran untuk diri sendiri bagi membiayai yuran pengajian **ATAU** menyelesaikan baki pinjaman pendidikan.
- Pengeluaran bersama suami / isteri bagi membiayai yuran pengajian anak **ATAU** menyelesaikan baki pinjaman pendidikan.
- Pengeluaran bersama suami / isteri bagi membiayai yuran pengajian suami / isteri **ATAU** menyelesaikan baki pinjaman pendidikan.

*Nota:* Sila rujuk Panduan Permohonan e-Pengeluaran Pendidikan (KWSP) Secara Online (HALAMAN BELAKANG).

### 3. Yuran Pengajian

Semua jenis bayaran yang dikenakan oleh IPT termasuk yuran asrama.

### 4. Kekerapan Pengeluaran

- Setiap semester **ATAU** setiap tahun bagi ahli **DAN / ATAU** bagi setiap seorang anak.
- Dalam tempoh setahun dari tarikh tamat pengajian bagi yuran pengajian yang tertunggak di IPT.
- Telah tamat pengajian bagi permohonan untuk menyelesaikan baki pinjaman pendidikan.

### Kelayakan Pengeluaran

Institut Pengajian Tinggi (IPT)	Institut Pemberi Pinjaman (IPP)
Bayaran kepada ahli (resit bayaran tidak melebihi setahun), <b>ATAU</b> bayaran kepada IPT (yuran yang belum dijelaskan)	Bayaran kepada IPP sahaja
Yuran pengajian setiap semester <b>ATAU</b> setiap tahun	Mempunyai baki pinjaman pendidikan
Jumlah yuran pengajian <b>ATAU</b> jumlah akaun 2 (mengikut mana yang paling rendah)	Jumlah baki pinjaman pendidikan <b>ATAU</b> jumlah akaun 2 (mengikut mana yang paling rendah)
Yuran pengajian yang tiada tajaan <b>ATAU</b> mempunyai sebahagian sahaja	IPP yang dibenarkan oleh KWSP sahaja

### Masa Yang Dibenarkan Untuk Membuat Pengeluaran

Pengeluaran boleh dibuat pada bila-bila masa selagi masih mempunyai baki dalam simpanan Akaun 2 (tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran).

### Jumlah Yang Dibenarkan Untuk Membuat Pengeluaran

Bergantung kepada baki simpanan dalam Akaun 2 ahli.

## **B) PANDUAN SELEPAS MEMBUAT PERMOHONAN:**

### **Tempoh Masa Yang Diberikan Untuk Pengesahan Cap Jari**

Ahli / anak ahli diberi tempoh selama empat belas (14) hari untuk melakukan pengesahan cap jari di kaunter KWSP berhampiran.

*Nota:* Ahli / anak ahli wajib hadir untuk pengesahan cap jari. Jika tidak hadir dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengesahan cap jari adalah bagi mengelakkan sebarang unsur penipuan.

### **Dokumen Sokongan Yang Perlu Dibawa Semasa Pengesahan Cap Jari Di Kaunter KWSP**

- Kad pengenalan diri (MyKad/MyPR/KP Polis/ KP Tentera) asal bagi tujuan pengecaman dan pengesahan identiti ahli.
- Surat pengesahan penangguhan semester (bagi pelajar berkaitan sahaja). Surat tersebut akan dikeluarkan oleh KUIS sekiranya terdapat permohonan daripada pelajar dan dihantar kepada pelajar melalui pos.
- Resit bayaran rasmi KUIS (bagi permohonan tuntutan yuran sahaja). Resit tersebut akan diproses oleh Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar sekiranya pelajar telah membuat bayaran yuran.
- Keputusan peperiksaan semester terdahulu ahli / anak ahli (bagi pelajar berkaitan sahaja). Boleh diperolehi melalui myLMS pelajar KUIS.

*Nota:* Sekiranya pihak KWSP memerlukan sokongan tambahan tersebut, ahli / anak ahli akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan *inbox* i-Akaun ahli.

### **Cara Menyemak Status Permohonan Pengeluaran**

Ahli / anak ahli akan menerima sistem pesanan ringkas (SMS) daripada pihak KWSP **ATAU** semakan status boleh dibuat melalui :

- i-Akaun ahli (semakan di 'Status Pengeluaran'), **ATAU**
- Menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-89226000, **ATAU**
- Kunjungi kaunter KWSP yang berdekatan.

### **Tempoh Masa Bayaran Dikreditkan Ke Akaun KUIS / Ahli**

Dalam tempoh (14) hari bekerja, bermula dari tarikh ahli / anak ahli hadir pengesahan cap jari di kaunter KWSP.

## Tempoh Masa Pengesahan Permohonan Yang Diambil Oleh KUIS

KUIS akan mengesahkan permohonan ahli / anak ahli dalam tempoh 7 hari bekerja.

## Sebab Permohonan Pengeluaran Pendidikan Ditolak

1. Nombor resit yang dimasukkan untuk membuat tuntutan tidak sama seperti resit asal.
2. Amaun pada resit tidak sama dengan amaun yang ditulis dalam permohonan.
3. Amaun yang dipohon melebihi yuran setahun.
4. Amaun dalam AKAUN 2 tidak mencukupi.
5. Pelajar telah membuat pengeluaran maksimum, melebihi jumlah keseluruhan yuran pengajian.
6. Pelajar mendapat tajaan penuh daripada IPP.
7. Pelajar tidak mendaftar pada sesi semasa tanpa sebab munasabah.

## Tindakan Yang Perlu Diambil Sekiranya Permohonan Ditolak

Pelajar boleh membuat semakan di *inbox* i-akaun ahli atau menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-89226000 untuk pertanyaan lanjut berkaitan permohonan e-pengeluaran pendidikan.

## Sekiranya berlaku lebihan bayaran yang telah dibuat oleh KWSP kepada KUIS adakah wang akan dikembalikan?

- Bagi pelajar belum tamat pengajian, lebihan bayaran tersebut akan dibawa ke semester hadapan (Jika Tiada Tuntutan Pulangan Bayaran Lebihan).

*Nota:* Tuntutan pulangan bayaran lebihan boleh dibuat di Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar

- Bagi pelajar yang telah tamat pengajian, mereka perlu mengisi borang Permohonan Pengembalian Caruman (KWSP14) dan wang akan dikembalikan semula ke KWSP.

*Nota:* Borang tersebut boleh didapati di laman web KWSP.

**Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya permohonan saya masih berstatus  
“Telah di hantar ke IPT untuk pengesahan” selepas 3 hari bekerja?**

Pelajar dikehendaki memaklumkan kepada pihak KUIS dengan menghubungi/emel pegawai bertugas untuk semakan status permohonan kerana berkemungkinan permohonan tidak diterima oleh KUIS.

**C) PANDUAN TARIKH PERMOHONAN:**

**Bilakah saya boleh membuat permohonan e-Pengeluaran?**

- Pelajar boleh membuat permohonan bermula minggu ke-4 kuliah semester semasa, **ATAU**

*Nota:* Permohonan sebelum minggu ke-4 kuliah akan mengakibatkan kiraan yuran semasa tidak penuh.

- Pelajar boleh membuat permohonan selewat-lewatnya sebelum tarikh awal mencetak slip menduduki peperiksaan akhir semester semasa.

*Nota:* Permohonan lewat akan mengakibatkan kesulitan pelajar untuk mencetak slip menduduki peperiksaan akhir atau tidak dapat memasuki dewan peperiksaan.

**D) MAKLUMAT PEGAWAI KUIS YANG BOLEH DIHUBUNGI:**

**Pegawai yang bertugas adalah seperti berikut:**

- Puan Siti Munirza Binti Mohd Suit  
Pembantu Tadbir, BPA  
Email: [sitimunirza@kuis.edu.my](mailto:sitimunirza@kuis.edu.my)  
Talian : 03-89117000 (ext: 1206)
- Cik Habibah Binti Abd Wahab  
Pembantu Tadbir (P/O), BPA  
Email: [habibah.aw@kuis.edu.my](mailto:habibah.aw@kuis.edu.my)  
Talian: 03-89117000 (ext: 2238)
- Puan Nurdiana Binti Ahmad Hafidzi  
Pembantu Tadbir, BPA  
Email: [nurdianahafidzi@kuis.edu.my](mailto:nurdianahafidzi@kuis.edu.my)  
Talian: 03-89117000 (ext: 3560)

# PANDUAN PERMOHONAN E-PENGELUARAN PENDIDIKAN (KWSP) SECARA ONLINE

